



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 10 TAHUN 2017**

PINDAAN HAD KREDIT KAD KORPORAT

Pejabat Bendahari
29 November 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.7 (10)

29 November 2017

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 10/2017

PINDAAN HAD KREDIT KAD KORPORAT

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini disediakan bagi memaklumkan mengenai Pindaan Had Kredit Kad Korporat.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan Kad Korporat telah digunapakai melalui Surat Pekeliling Bendahari Bil. 6/2012 (SPB 6/2012) berkaitan Garis Panduan Pelaksanaan Kad Korporat Universiti dan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 9/2015 (SPB 9/2015) berkaitan Pindaan Peraturan Kad Korporat.
- 2.2 Pindaan peraturan kad korporat yang dibuat adalah merangkumi kelayakan pegawai, had kemudahan kredit, skop penggunaan dan tanggungjawab pemegang kad korporat.
- 2.3 Walau bagaimanapun, pindaan had kredit yang dibuat hanya melibatkan **pegawai-pegawai yang dinamakan berdasarkan PTj** sahaja manakala bagi Pegawai Pengurusan Tertinggi Universiti dan Ketua PTj had kredit sedia ada dikekalkan.
- 2.4 Selaras dengan perkembangan semasa yang memerlukan pegawai menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam negara atau luar negara dengan lebih kerap, had kredit sedia ada perlu dipinda.

2.5 Cadangan pindaan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 5/2017 dan telah disahkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2017.

3.0 PINDAAN HAD KREDIT KAD KORPORAT

3.1 Berikut adalah cadangan pindaan had kredit kad korporat:

Bil	Jawatan	Jumlah Had Kredit (RM)		
		Semasa (SPB 6/2012)	Semasa (SPB 9/2015)	Pindaan
1.	Naib Canselor	10,000.00	Dikekalkan	20,000.00
2.	Timbalan Naib Canselor dan Penolong Naib Canselor	10,000.00		15,000.00
3.	Ketua PTj/ Pegawai Pengurusan Tertinggi Universiti	5,000.00		10,000.00
4.	Pegawai-pegawai yang dinamakan berdasarkan PTj seperti berikut:	-	5,000.00	10,000.00
	i) Canselori	-		
	ii) Pejabat Pendaftar	-		
	iii) Pejabat TNCPI – CRIM (Penyelidikan)	-		
	iv) PTj-PTj Lain	-	5,000.00	6,000.00

4.0 PEMBATALAN

4.1 Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, para 3.2 SPB 9/2015 adalah dibatalkan.

5.0 PEMAKAIAN

5.1 Surat Pekeliling Kewangan ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/2017/Sharing Folder/2017/Pindaan Peraturan